



PERATURAN PERTANDINGAN BOLA KERANJANG

1.0 NAMA PERTANDINGAN

- 1.1 Pertandingan Bola Keranjang Karnival Kokurikulum Matrikulasi (KAKOM) 2022.

2.0 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.1 Selain daripada undang-undang yang terkandung, pertandingan akan dijalankan mengikut undang-undang Persekutuan Bola Keranjang Antarabangsa (FIBA) yang terkini dan Peraturan Jawatankuasa Pengelola, Pertandingan Bola Keranjang KAKOM 2022.
- 2.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan digunakan.

3.0 TARIKH DAN MASA PERTANDINGAN

- 3.1 02 hingga 05 September 2022.
- 3.2 Sila rujuk jadual pertandingan yang akan diberi pada mesyuarat pengurus pasukan.

4.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 4.1 Gelanggang Bola Keranjang, Kolej Matrikulasi Melaka.

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Sila rujuk Perkara 5.0 Peraturan Am KAKOM 2022.
- 5.2 Setiap peserta pertandingan masing-masing hanya dibenarkan menyertai satu (1) acara sahaja iaitu acara individu.

6.0 PENYERTAAN

- 6.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Kolej Matrikulasi KPM, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 6.2 Peserta yang mengikuti program lain di Kolej MARA di bawah KPM pada tahun semasa boleh mengambil bahagian dalam KAKOM.



- 6.3 Setiap kolej hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki (10 orang pemain), satu (1) pasukan wanita (10 orang pemain) dan 2 orang pegawai sahaja seperti jadual di bawah:

Bil.	Kategori	Acara dipertandingkan	Bilangan pemain
1.	Lelaki	Berpasukan	10 orang
2.	Wanita	Berpasukan	10 orang
3.	L&P	Pengurus/ Jurulatih	4 orang
Jumlah			24 orang

*Terbuka tanpa kuota jantina

7.0 PEGAWAI TEKNIKAL

- 7.1 Pertandingan akan diadili oleh pengadil (*umpire*) yang bertauliah yang dilantik.
- 7.2 Keputusan pengadil adalah muktamad.

8.0 PENENTUAN KEMENANGAN

- 8.1 Kemenangan bagi pertandingan secara liga ditentukan daripada jumlah mata terbanyak, tetapi jika berlaku seri pada jumlah mata, maka keputusan akan ditentukan seperti berikut :
- 8.1.1 Perbezaan skor / jaringan. Jumlah skor / jaringan yang diperolehi tolak dengan jumlah jaringan yang kena (bolos). Pemenang adalah pasukan yang mempunyai jumlah perbezaan skor / jaringan yang terbanyak.
- 8.1.2 Jika kedudukan masih seri, maka kedudukan akan ditentukan melalui keputusan perlawanan antara dua pasukan yang terlibat. Pasukan yang menang dalam perlawanan melibatkan kedua-dua pasukan sebelum ini di kira sebagai pemenang.
- 8.1.3 Jika pada peringkat ini melibatkan lebih dari dua (2) pasukan, maka pemenang akan ditentukan dengan lontaran penalti (mengikut undang-undang) sebanyak 5 lontaran setiap pasukan yang terlibat.



9.0 KELEWATAN

- 9.1 Lima minit (5) akan diberikan kepada pasukan sebagai tempoh masa menunggu daripada masa panggilan. Jika selepas itu sesebuah pasukan yang tidak hadir maka pasukan berkenaan dikira kalah. Oleh itu pasukan yang tidak hadir dikira menarik diri dan Peraturan Am 18.0 (menarik diri) akan diguna pakai.
- 9.2 Semua pasukan hendaklah berada dan bersedia untuk bermain ditempat perlawanan lima belas (15) minit sebelum pertandingan.

10.0 JAWATANKUASA TATATERTIB (DISIPLIN/TINDAKAN HUKUMAN)

- 10.1 Sila rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am.

11.0 PENANGGUHAN

- 11.1 Sila rujuk Perkara 11.0 Peraturan Am.
- 11.2 Sekiranya keadaan gelanggang tidak memuaskan atau bekalan elektrik terputus semasa perlawanan berlangsung, referi dengan persetujuan Pengerusi Teknik acara tersebut berhak menangguhkan perlawanan.
- 11.3 Sekiranya perlawanan ditangguhkan, maka perlawanan akan disambung mengikut baki yang tinggal walaupun perlawanan disambung esoknya.
- 11.4 Jawatankuasa Teknikal Bola Keranjang berhak mengubah sistem pertandingan jika masa tidak mencukupi akibat daripada penangguhan permainan dalam apa-apa keadaan sekalipun.

12.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

- 12.1 Sila rujuk Perkara 12.0 Peraturan Am.

13.0 JURI RAYUAN

- 13.1 Sila rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am.

14.0 KESELAMATAN, KEHILANGAN BARANG-BARANG DAN KEMALANGAN

- 14.1 Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am



15.0 HADIAH

- 15.1 Emas Individu Lelaki (10 pemain, 2 Pengurus/ Jurulatih)
- 15.2 Perak Individu Lelaki (10 pemain, 2 Pengurus/ Jurulatih)
- 15.3 Gangsa Individu Lelaki (20 pemain, 4 Pengurus/ Jurulatih)

- 15.4 Emas Individu Wanita (10 pemain, 2 Pengurus/ Jurulatih)
- 15.5 Perak Individu Wanita (10 pemain, 2 Pengurus/ Jurulatih)
- 15.6 Gangsa Individu Wanita (20 pemain, 4 Pengurus/ Jurulatih)

PINGAT / KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
LELAKI	10	10	20	40
WANITA	10	10	20	40
PENGURUS/JURULATIH	4	4	8	16

16.0 FORMAT DAN SISTEM PERTANDINGAN

Sistem pertandingan dijalankan secara liga dan/atau cara kalah mati seperti berikut:

16.1 Cara Liga Empat Kumpulan (A, B, C dan D)


16.1.1 Pusingan Pertama

- 16.1.1.1 Pasukan yang mengambil bahagian hendaklah dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu A, B, C dan D. Pertandingan akan dijalankan secara liga.
- 16.1.1.2 Pasukan-pasukan akan ditempatkan dalam empat kumpulan tersebut dengan cabutan undi mengikut undang-undang permainan berkenaan.
- 16.1.1.3 Sistem pemberian mata bagi bagi pertandingan secara liga adalah seperti berikut:
 - Menang : 2 mata
 - Kalah : 1 mata
 - Menarik Diri "Walk-over" : 0 mata

16.1.2 Pusingan Kedua (Suku Akhir)

- 16.1.2.1 Johan dan Naib Johan dalam setiap kumpulan akan masuk ke pusingan suku akhir dan pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.

16.1.2.2 Perlawanan adalah ditetapkan sebagaimana berikut:



16.1.3 Pusingan Separuh Akhir dan Akhir

16.1.3.1 Pasukan-pasukan yang menang pada perlawanan separuh akhir akan memasuki Perlawanan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan, sementara pasukan-pasukan yang kalah akan diberikan kedudukan tempat Ketiga Bersama.

16.2 Tempoh Perlawanan

16.2.1 Tempoh permainan untuk semua perlawanan adalah selama lapan 8 minit untuk setiap separuh masa dengan rehat tiga (3) minit di antaranya.

16.2.2 Sekiranya mata seri maka masa tambahan sebanyak 3 minit akan diberikan sehingga satu pasukan memenangi perlawanan.

16.2.3 Masa pertandingan tidak diberhentikan kecuali perkara berikut:

- 'Free Throw'
- 'Time Out'
- 'Substitution' dan
- Kecederaan pemain.



17.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 17.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada 2hb Sept 2022, pada jam 9.00 malam, bertempat di Bilik Tutoran 1.1.3.
- 17.2 Semua pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dan salinan kad pelajar yang telah disahkan.
- 17.3 Pengesahan peserta yang mengambil bahagian hendaklah disahkan semasa mesyuarat tersebut. Segala pertukaran boleh dilakukan dalam mesyuarat tersebut. **(SELEPAS ITU SEMUA PERTUKARAN / PENGGANTIAN TIDAK AKAN DILAYAN).**
- 17.4 Senarai peserta yang disahkan semasa taklimat pengurus pasukan adalah muktamad.
- 17.5 Sila rujuk Perkara 17.0 Peraturan Am.

18.0 MENARIK DIRI

- 18.1 Sila rujuk Perkara 18.0 Peraturan Am.
- 18.2 Sekiranya mana-mana perkara yang tidak dinyatakan dalam Perkara 11.0 Peraturan Am, Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk meminda/ menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad

19.0 PENGUNDIAN

- 19.1 Sila rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am

20.0 PAKAIAN PESERTA DAN PERALATAN

- 20.1 Setiap pasukan hendaklah membawa sekurang-kurangnya dua (2) set jersi yang berlainan warna (digalakkan mempunyai seluar dan stoking yang seragam).
- 20.2 Jika terdapat persamaan warna jersi setelah disahkan oleh pengadil perlawanan, pasukan tuan rumah (nama pasukan yang disebut pertama dalam jadual pertandingan) hendaklah menukar jersi.
- 20.3 Nombor jersi pemain tidak boleh ditukar setelah didaftarkan semasa/ pendaftaran/taklimat pengurus pasukan. Nombor jersi yang sama hendaklah digunakan oleh pemain hingga selesai pertandingan. Nombor pada jersi hendaklah berukuran sekurang-kurangnya 10 cm tinggi di hadapan pada paras dada dan 20 cm di belakang.



- 20.4 Nombor jersi bermula dari nombor satu (1) hingga sembilan puluh sembilan (99) sahaja.
- 20.5 Pasukan yang menyertai pertandingan ini boleh menggunakan nama penaja pada jersi tetapi tidak bercanggah dengan syarat-syarat yang ditentukan dan peraturan pertandingan FIBA.
- 20.6 Jawatankuasa Teknik dan Pertandingan telah memutuskan bola yang akan digunakan untuk semua perlawanan adalah jenama **MOLTEN B6G4500** (wanita) dan **MOLTEN B7G4500** (lelaki). Pihak penganjur akan menyediakan bola pertandingan. Setiap kolej diminta membawa bola sendiri untuk tujuan memanaskan badan atau latihan.

21.0 TINDAKAN TATATERTIB (DISIPLIN / TINDAKAN HUKUMAN)

- 21.1 Tindakan tatatertib yang akan diambil adalah mengikut Undang-Undang Persekutuan Bola Keranjang Antarabangsa (FIBA).
- 21.2 Setiap kesalahan tatatertib, pemain dan pegawai akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib.

22.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 22.1 Sila rujuk Perkara 20.0 Peraturan Am

23.0 HAL-HAL LAIN

- 23.1 Sila rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am.
- 23.2 Sekiranya terdapat gangguan perjalanan pertandingan seperti gangguan teknikal atau kesuntukan masa, Pengarah Kejohanan melalui mesyuarat bersama semua pengurus pasukan akan menentukan kaedah keputusan perlawanan.
- 23.3 Jawatankuasa Pengelola mempunyai hak mentafsirkan segala perkara yang tidak disiarkan atau termaktub di dalam Peraturan-Peraturan Pertandingan ini dan keputusannya adalah muktamad.

LAMPIRAN

Contoh gambar Bola Keranjang jenama **MOLTEN B6G 4500** (wanita) dan **MOLTEN B7G 4500**(lelaki).

